

CARI PUNCA

KENAPA BERUBAH MENJADI PENDERA



Bersama
Dr. Haji Mohd. Izhar Ariff Mohd. Kashim
Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah,
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

W Apa kaitan Dr. Izhar ini dengan kes mendera kanak-kanak yang banyak berlaku sejak sebelum ini? (1)

Pertama sekali, kita kena faham anak adalah anugerah daripada Allah s.w.t. Ia tidak akan lengkap dalam kehidupan jika anak tidak menghiasi sebuah rumah tangga. Ini dibuktikan apabila Allah sebut di dalam al-Quran, harta anak-anak adalah perhiasan manusia di muka bumi. Tidak akan lengkap dalam sesebuah keluarga jika tidak ada harta, begitu juga anak-anak ataupun keturunan.

Sehubungan itu, menjadi tanggungjawab kepada mereka yang berpegang amanah untuk menunaikan tanggungjawab dengan sebaik mungkin. Seorang bapa kena menjaga anak itu, kena munaqafahkan atau pastikan supaya anak itu hidup dan berjaya di dunia dan akhirat.

Malangnya, terdapat banyak laporan sejak kebelakangan ini, isu penderaan kanak-kanak, terutamanya bapa dera anak. Tetapi soal ini perlu dipastikan terlebih dahulu. Adakah fakta ini bersifat umum atau hanya berlaku pada kumpulan-kumpulan kecil.

Ini kerana litrah seorang bapa, dia tidak akan mendera anak dengan sewenang-wenangnya. Bapa mengur anak untuk menjadi anak yang baik. Contoh apabila anak tidak solat, pastilah bapa marah. Dalam hadis Nabi, ada menyebut ajarlah anak kamu solat apabila sampai umur tujuh tahun. Jika pada 10 tahun masih tidak solat, sebalah mereka, rotanlah mereka.

Maka di sini, dalam Islam dibenarkan atau dibolehkan untuk memukul anak. Tetapi bagaimana caranya kerana terdapat tempat yang haram untuk dipukul. Muka adalah tempat yang paling mulia pada badan manusia, maka diharamkan untuk dipukul di situ.

Sebaliknya ramu yang memukul, menggunakan kekasaran di kawasan muka. Tegur menggunakan kekasaran sehingga menumbuk anak. Ia dilarang dalam Islam.

W Bagaimana pula dengan laporan yang bilang, saya mendengar lebih berbilang mendera?

Kita tidak boleh menghukum untuk menyatakan bapa kandung lebih ramai yang mendera berbanding bapa tiru. Malah dalam akhbar sendiri pun bersifat 50-50. Ada kes penderaan berlaku di kalangan bapa tiru sehingga membawa kematian, begitu juga dengan bapa kandung. Kita di sini bukan untuk menghukum

sapa yang bersalah ataupun perlu dikenakan hukuman.

Sebaliknya, kena faham kenapa ini berlaku. Sebab apa seorang bapa keluar daripada sifat seorang mukmin sehingga sanggup pukul anak. Jika dikaji balik, bapa yang normal tidak akan sepak anak. Marah macam mana pun tidak akan tumbuk anak.

W Bagaimana jika dikatakan bapa kurang kasih sayang menjadi seorang pendera?

Perkara itu lebih kepada persepsi. Jadi ia perlu dilakukan kajian. Tidak boleh kata jika bapa itu pernah didera, dipukul maka apabila dia ada anak, dia pula mendera anaknya. Di sini saya ingin katakan, berapa ramai yang saya jumpa individu yang ketika kecil dia dipukul, didera oleh bapanya berubah. Apabila berkahwin dan mempunyai anak, dia menjaga anaknya lebih daripada segala-galanya. Dia tidak mahu anaknya itu merasai apa yang pernah dialaminya sewaktu kecil.

Kajian terkini perlu dilakukan. Cari responden yang pernah didera, adakah dia mendera anak selepas berkahwin. Kajian menyeluruh perlu dilakukan oleh pakar-pakar kaunseling mahupun pendidikan awal kanak-kanak.

W Bagaimana ibu bapa menggilang punca kepada "sialan" mendera?

Satu, kekangan kewangan. Sebagai contoh, bapa tiada duit dan anak pula minta bukan-bukan. Tengok di sekolah rakan makan ayam, jadi balik rumah minta dengan bapa. Sedangkan si anak tidak tahu yang bajangnya tiada duit untuk memenuhi keinginan itu.

Tekanan-tekanan seperti ini membuatkan bapa hilang pedoman untuk mendera anak. Tambahan pula si bapa tidak solat, tidak baca al-Quran dan tidak meletakkan Allah di dalam hati.

Dua, masalah persekitaran. Bagaimana kehidupan seorang bapa itu. Dengan siapa dia bergaul? Adakah dengan penagih dadah, berjudi ataupun minum arak.

Ketiga, berpunca daripada kerohanian yang mati. Bermaksud dalam hati dia itu rosak. Dia tidak ada Allah dalam hati, tidak berzakat menyebabkan hati itu mempunyai penyakit sehingga menghasilkan penyakit anggota yang lebih kronik dan menyebabkan orang lain mudarat. Bukan anak sahaja dideranya, bahkan isteri juga mendapat kesam.

Keempat, apabila berlaku salah faham di kalangan ibu bapa tentang kaedah pendidikan sebenar yang diajar oleh Nabi. Mereka anggap boleh pukul anak dengan kayu. Sedangkan Nabi tak ajar pukul kerana Nabi sendiri pun guna rotan yang halus seperti batang lidi. Di sini menunjukkan ibu bapa ada autoriti untuk memukul anak tetapi di dalam keadaan sedar.